

Article Info:

Received Date: 09 December 2020

Accepted Date: 02 February 2021

Published Date: 03 February 2021

Corresponding Author: gugusgerakbatam@gmail.com

Penerokaan Rekaan Hasil Kreatif Tari Seri Inai berdasarkan Tari Inai dari Panggak Laut, Daik Lingga sebagai Sumber Penciptaan Tari

The Exploration of Creative Design in Seri Inai Dance based on Inai Dance from Panggak Laut, Daik Lingga Indonesia as a Source of Dance Creation

Denny Eko Wibowo¹, Widyanarto²

Fakultas Seni, Universitas Universal Batam

Komplek Mahavihara Duta Maitreya, Sungai Panas, Bukit Beruntung,
Kepulauan Riau, Indonesia

To cite this article (APA): Wibowo, D. E., & Widyanarto, . (2021). The Exploration of Creative Design in Seri Inai Dance based on Inai Dance from Panggak Laut, Daik Lingga Indonesia as a Source of Dance Creation. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), 1-15. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.1.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.1.2021>

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan penerokaan terhadap proses penyusunan tari ciptaan baharu Seri Inai sebagai kewujudan hasil kreatif dalam pelestarian Tari Inai di Panggak Laut, Daik, Lingga. Hasil kreatif ini merupakan hasil dari prinsip rekaan seni yang melibatkan irama dan pergerakan, kepelbagaian dan kesatuan. Prinsip tersebut diaplikasikan sebagai sumber unsur seni yang diolah untuk mendapatkan gambaran penyusunan tari yang kreatif. Aspek Koreografi digunakan untuk melihat hubung kait antara tari Inai di Panggak Laut, Daik Lingga dengan tari Seri Inai sebagai sumber penciptaan tarinya secara visual. Data dikumpulkan melalui teknik temubual, pemerhatian dan kajian pustaka. Proses penyusunan tari adalah melalui tahap penggalian, penerokaan dan komposisi. Namun, perbincangan mengenai komposisi dibahagikan kepada beberapa aspek seperti: 1) Hasil rekaan penyusunan tari Seri Inai yang memberi fokus kepada perspektif analisis Koreografi; 2) Dialektik dalam hasil rekaan penyusunan tari Seri Inai yang nampak secara visual seperti ragam gerak, pola lantai, solekan, kostum dan prop tari.

Kata kunci: Kreatif, Tari Seri Inai, Panggak Laut, Indonesia

ABSTRACT

This article aims to discuss the exploration of processes in structuring the Seri Inai Dance creation as a creative outcome in the preservation of Inai Dance in Panggak Laut, Daik, Lingga, Indonesia. This dance creation is the outcome of the principles of art and design that involve rhythm and movement, diversity, and unity. The principles of art are applied as the source of artistic elements in the processes of obtaining a creative design of the dance arrangement. The choreographic aspect is used to see the relationship between Inai dance in Panggak Laut, Daik Lingga, Indonesia, and Seri Inai dance as a visual source of dance creation. Data are collected through interview techniques, observations, and literature review. The process of arranging the dance involve the stages of excavation, exploration, and composition. However, the discussion on composition is divided into aspects such as: 1) Results of the design in the Seri Inai dance arrangement which focuses on the perspective of choreographic analysis; 2) The dialectics in the design outcome of the Seri Inai dance arrangement that can be seen visually such as movement patterns, floor patterns, make-up, dance costume, and dance props.

Keywords: Creativity, Seri Inai dance, Panggak Laut, Indonesia

PENGENALAN

Tari Inai merupakan sejenis tarian yang sering dipersembahkan dalam acara majlis perkahwinan oleh masyarakat Melayu. Persembahan tari Inai memiliki bentuk persembahan yang berbeza-beza antara satu tempat dengan tempat yang lain. Hal ini disebabkan oleh pengaruh sosial budaya daripada masyarakat tempatan yang wujud dalam tarian Inai di setiap penempatan di kawasan Kepulauan Riau. Pada masa kini, Tari Inai masih dapat ditonton dalam bentuk persembahan tradisional. Perkataan tari Inai berkaitan dengan penyelenggaraan acara Berinai Besar dan Tepuk Tepung Tawar yang dilakukan di atas *peterakne*. Berdasarkan temubual bersama Lazuardy, tari Inai di Lingga menjelaskan bahawa keberadaan penari tarian Inai sebagai persembahan hormat kepada kedua mempelai pengantin (Wibowo et al., 2020). Pendapat ini turut sama diperjelaskan oleh Thaib (2009), bahawa tari Inai berkait rapat dengan mengatur sembah di awal dan penghujung persembahan tarian. Majoriti seniman dan pengamal tarian Inai di Lingga adalah seniman tradisional berusia senja atau para penggiat sanggar seni di sekitar Daik, Kabupaten Lingga. Hal ini menunjukkan bahawa kewujudan tari Inai di Lingga masih mempunyai harapan untuk dilestarikan dan dikembangkan.

Tarian Inai di Daik, Lingga secara umumnya memiliki bentuk persembahan yang seragam, antara lain penggunaan irungan muzik dengan irama gong sebagai elemen penanda dari gerak tarinya. Mengenai keseragaman ini, menurut Polly Wiessner ianya dikategorikan sebagai bahagian dari gaya komunal/ *emblemic style* iaitu, kategori gaya tari selain gaya tari peribadi/ *assertive style* (Sumaryono, 2011). Secara umumnya, gaya tari peribadi dapat dipengaruhi oleh gaya komunal yang diketahui lebih bermuansa dengan gaya senimannya. Hampir semua penari tarian Inai di Lingga memahami bentuk tarian Inai berdasarkan irama gong disebabkan Pejabat Kebudayaan Lingga pernah mengadakan Rampai Seni Budaya Melayu pada Oktober 2012 yang salah satunya memaparkan pelbagai tarian Inai dari seniman tarian Inai di Lingga.

Gambaran bentuk gaya tari juga difahami secara kompleks oleh masyarakat yang merupakan pemilik budaya tersebut dengan memperlihatkan ciri tersendiri dan mendapat pengaruh baik secara (internal) dalaman mahupun (external) luaran oleh penduduk setempat. Pengaruh dalaman adalah berdasarkan pada aspek teks tari yang meliputi bentuk persembahan secara visual atau kelihatan yang umumnya dapat dikaji dari perspektif koreografi. Manakala pengaruh luaran berkaitan dengan aspek konstekstual yang bersatu dalam dimensi sosial budaya masyarakat tempatan (Wahyuni et al., 2018). Justeru, tidak dapat disangkal lagi kewujudan persembahan tari Inai mempunyai unsur persamaan dan perbezaan daripada satu kampung dengan kampung yang lain atau satu daerah dengan daerah lain.

Tarian Inai yang dipersembahkan oleh Mawardi dari kumpulan kesenian Sri Kemuning, berasal dari kampung Panggak laut, Daik Lingga, Kumpulan ini telah meletakkan identiti tempatan yang kelihatan pada struktur persembahan tarinya. Kewujudan tersebut kini kurang diminati oleh generasi belia sehingga perlu menggunakan strategi pelestarian yang sesuai. Pelestarian tersebut selanjutnya mampu menjunjung martabat masyarakat setempat dan memperkuatkan lagi ketahanan kesenian. Salah satu strategi tersebut adalah penyusunan kreatif tari Inai dengan tujuan mensosialisasikan tarian Inai tradisional melalui bentuk tarian kreatif. Sabzali Musa Khan, Effendi Shamsuddin, dan Nik Nairan Abdullah via Nurul Fitriah Pathlillah dan Ridzuan Hussin (2019), menjelaskan bahawa tujuan mempelajari seni warisan dan kreasi tempatan tidak lain ialah untuk memartabatkan kesenian sesuatu bangsa terutama bangsa tempatan.



Rajah 1. Penari tarian Inai di Lingga pada acara Rampai Seni Budaya Melayu pada tahun 2012
(Sumber: Dinas Kebudayaan Lingga, Oktober 2020)

Kemunculan bentuk susunan tari Inai yang seragam dan beberapa variasi pergerakan adalah hasil kreativiti daripada seniman-seniman tarian Inai di Lingga. Salah seorang seniman tarian Inai di Lingga seperti Mawardi telah melestarikan tarian Inai bersama kumpulan keseniannya iaitu Sri Kemuning yang berada di kampung Panggak Laut. Majoriti penduduk kampung Panggak Laut bekerja sebagai nelayan dan pedagang sedangkan Mawardi adalah penduduk asal Panggak Laut yang bekerja sebagai nelayan dan pegawai di pejabat desa. Aktiviti sebagai penari Inai dijalankan sekiranya beliau mendapat projek persembahan pentas bersama dengan kumpulan kesenian Sri Kemuning. Keadaan ini menyumbang kepada terwujudnya tari Inai dalam acara-acara yang berkaitan yang menjadi sumber tambahan dalam meningkatkan taraf hidup beliau. Sejarah Mawardi mempelajari tarian Inai sejak zaman kanak-kanak lagi daripada Bapa saudaranya yang bernama Dahlan. Kelompok kesenian Sri Kemuning dibentuknya pada tahun 1980-an, dan bersama kumpulan tersebut Mawardi melestarikan tarian Inai (Wibowo et al., 2020).



Rajah 2. Mawardi (peniup serunai) bersama dengan pemain musik Inai dalam kelompok kesenian Sri Kemuning
(Sumber: Denny Eko Wibowo, 2019)

Situasi pementasan adalah berdasarkan tawaran projek tarian Inai yang menjadi salah satu proses awal penciptaan kreatif tarian Inai berjudul Seri Inai. Hal ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu: (1) Menyusun tarian Inai pada struktur persembahan yang kemas sehingga berupaya memberikan apresiasi tarian Inai ke masyarakat dan (2) Usaha pelestarian penyusunan tari secara kreatif menjadi suatu strategi untuk kembali mengangkat martabat tarian tempatan kepada masyarakat umum. Susunan kedudukan tari Seri Inai tidak begitu jauh dari tarian Inai yang dilestarikan oleh Mawardi dari kumpulan kesenian Sri Kemuning dari Panggak Laut. Tujuan daripada penyusunan semula tari Inai oleh Panggak Laut ini adalah wujudnya tari ciptaan baharu Seri Inai sebagai bentuk kreatif dengan meletakkan struktur tari dan elemen-elemen koreografi yang lebih jelas. Manfaat dari kajian ini adalah pendekatan elemen-elemen koreografi yang tetap berdasarkan tari Inai khas daripada Panggak Laut masih dilestarikan oleh Mawardi dan kumpulan kesenian Sri Kemuning. Penyusunan tari Seri Inai ini pula, dikaitkan dengan

tindakan revitalisasi dalam kategori rekreasi, reformasi hingga ke fungsi semula tari tersebut (Warto, 2014). Penjelasan ini antara lain berhubung kait dengan aktiviti menyusun tari Inai dari Panggak Laut berdasarkan kedudukan sumber kesenian tradisi/ aslinya (re-kreasi) yang disesuaikan dengan faktor keperluan, aspek tempat dan waktunya (re-formasi). Sekaligus wujud tari kreasi baharu yang disusun dan boleh digunakan sebagai kaedah pendidikan budi pekerti Melayu bagi generasi muda (fungsi semula) disamping itu fungsi utamanya sebagai sumber ekonomi dalam kegiatan persembahan.

Kewujudan tari Inai tradisional yang dibawa oleh Mawardi kini masih ditarikan dalam upacara-upacara adat perkahwinan di kampung Panggak Laut dan sekitar Daik. Sifat tradisional yang dekat dalam persembahan tarian tersebut boleh dianggap generasi belia sekarang sebagai sesuatu yang *out-of-date*. Hal ini merupakan masalah yang harus diselesaikan. Reka kreatif tarian Inai dalam bungkusan yang lebih teratur baik dari struktur tarinya mahupun elemen-elemen koreografi yang menjadi salah satu usaha penyelesaian. Tarian tradisional Melayu atau tarian tradisional lain boleh sahaja hilang tanpa adanya pembaharuan atau diletakkan pembaharuan tetapi dalam bentuk penyusunan tarian kreasi baharu sesuai dengan citarasa generasi muda masa kini. Muhammad Fazli Taib Saearani dan Azrin Abdul Rahim (2020) telah melakukan kajian tentang kewujudan tarian Melayu di Singapura yang keadaannya mengalami perkembangan dinamik. Faktor utama perubahan tari-tarian Melayu kontemporer atau yang bukan tradisional di Singapura adalah dipengaruhi oleh beberapa hal seperti kekurangan minat masyarakat, kekurangan pengetahuan dan pengalaman tentang seni budaya Melayu, bentuk kehidupan yang urban dan bergantung kepada internet serta usaha yang kritis dalam mengangkat tarian Melayu kontemporer di Singapura.

Kewujudan kesenian yang bersifat tradisional mungkin akan bertahan atau hilang dalam kalangan masyarakat. Taib Saearani dalam Hermien Kusmayati menjelaskan bahawa kewujudan tari-tarian tradisional pada dasarnya bergantung kepada strategi pembelajaran dan latihan seperti yang terjadi di Yogyakarta dalam pembelajaran tarian tradisional klasik istana yang dilakukan di persekitaran dalam mahupun luar istana. Perkembangan tari-tarian tradisional tersebut oleh masyarakat umum merupakan faktor terkuat dalam menjaga status tarian tersebut (Kusmayati, 2017). Strategi-strategi tersebut dapat difahami sebagai rancangan dari usaha memperkenalkan seni pertunjukan daerah tertentu dalam bentuk persembahan yang menarik tanpa mengurangi nilai ketahanan dalam konteks persembahannya. Hal ini seperti yang dilakukan pada penyusunan kreatif tari Seri Inai yang menggunakan tari Inai tradisional sebagai asas penciptaan tarinya.

Penyusunan kreatif tari Seri Inai bukanlah transformasi dari tari Inai tradisional melainkan tarian yang mengambil inspirasi dari nilai-nilai penting pada tari Inai tradisional di Panggak Laut. Penyusunan tari Seri Inai tidak mengubah tarian Inai tradisional yang sering dipersembahkan oleh Mawardi. Hal ini berdasarkan pemahaman terhadap transformasi mewujudkan bentuk baharu dengan mengubahnya dan tindakan membuat sesuatu yang baharu yang berbeza dari bentuk sebelumnya (Wibowo dan Saearani, 2020). Aktiviti-aktiviti penciptaan tarian secara kreatif memiliki banyak fungsi kepada masyarakat. Kenyataannya dapat dilihat dari aspek pembentukan tarian ciptaan baharu sebagai usaha pelestarian boleh juga diaplikasikan dalam bidang pendidikan seni dan pelancongan bahkan tetap mempertahankan nilai-nilai penting sebagai konteks pertunjukan tarinya (Widyanarto dan Silalahi, 2019). Beberapa prinsip rekaan seni yang dibincangkan di dalam kajian ini adalah irama dan pergerakan, kepelbagai dan kesatuan berasal dari penerokaan tari tradisional Inai yang sering dipersembahkan oleh Mawardi dan kumpulan kesenian beliau. Bentuk ciptaan tari (kreasi) dalam tarian Seri Inai mengandungi unsur-unsur khas dari tarian Inai yang dipersembahkan. Penerokaan yang dijalankan dalam kajian ini meliputi aspek pengembangan idea yang berhubungan dengan proses kreatif dan wujud fizikalnya. Ini berkaitan dengan kaedah penciptaan tari berdasarkan sumber rujukan tari sebelumnya. Kebebasan dalam ruang lingkup kreativiti dalam susunan tari bukan dalam bentuk kebebasan yang sifatnya liar namun bersifat *research-based performance* iaitu ‘subjektif yang objektif’ (Hadi Y., 2017). Begitu juga penyusunan tari kreatif Seri Inai, melalui usaha pada kemudian hari boleh dimanfaatkan dalam bidang pendidikan dan juga pelancongan bahkan pelestarian tarian tradisional Inai di Kepulauan Riau, khususnya di Daik Lingga.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data melalui temubual dan pemerhatian. Seterusnya proses analisis data dan kerja pengkaryaan kreatif dalam penyusunan tarinya. Penciptaan kreatif tari Seri Inai adalah berdasarkan tari Inai di Panggak Laut yang melalui tiga tahapan. Tahap pertama ialah penggalian tari Inai khas Panggak Laut yang dilestarikan oleh Mawardi dan kumpulan kesenian Sri Kemuning. Tahap awal ini dilakukan dalam dua bentuk iaitu, temubual dan pemerhatian secara langsung. Temu bual dijalankan bersama Mawardi, Lazuardy dan Andri Pelesmana pada bulan Julai 2019 dan temu bual seterusnya pada akhir tahun 2019 hingga awal tahun 2020. Pemerhatian langsung dijalankan dengan menonton persembahan tari Inai sekaligus mempelajari tarian Inai Panggak Laut di Daik Lingga. Tahap kedua ialah penerokaan di mana pengolahan data dan penyusunan aspek gerak tari Seri Inai. Tahap ini memerlukan rujukan dari bentuk literatur mahupun dokumentasi karya tari yang ditadbirkan oleh pengkaji. Penyusunan tari Seri Inai dijalankan berdasarkan elemen-elemen utama koreografi seperti aspek penari, gerak tari, pola lantai, irungan tari, tata rias dan kostum. Tahap ketiga adalah komposisi yang melibatkan proses penyusunan tarian ciptaan baharu Seri Inai berdasarkan situasi pandemik Covid-19.



Rajah 3. Proses penggalian tari Inai Panggak Laut yang diberikan oleh Mawardi dan kelompok kesenian Sri Kemuning di Panggak Laut, Lingga.
(Sumber: Denny Eko Wibowo, 2019)

DAPATAN KAJIAN

Proses penciptaan kreatif Seri Inai dijalankan mengikut landasan asas yang ada dalam tari Inai Panggak Laut dan tidak mengubah bentuk persembahan tarinya setelah melalui penyusunan kreatif. Aspek-aspek koreografi yang dimasukkan dalam karya tari Seri Inai mengandungi judul tari, gerak tari, peragaan tari, pola lantai, irungan tari, tata rias dan kostum hingga prop tari. Aspek-aspek ini dipaparkan dalam aktiviti menyusun koreografi berdasarkan unsur bentuk, teknik dan isi tarinya (Hadi, 2014). Hasil rekaan ini mengandungi dua aspek iaitu: (1) bentuk hasil rekaan dan (2) Dialektik yang terlihat pada bentuk persembahan tarinya.

a. Nama Judul Tari

Nama judul tari Seri Inai, diangkat dari dua kata iaitu, ‘Seri’ dan ‘Inai’. Kata ‘Seri’ merujuk kepada istilah dalam Bahasa Melayu yang bermaksud cahaya atau semarak sehingga berhubung dengan pancaran terang daripada suatu benda (Baharom et al., 2015). Sedangkan kata ‘Inai’ disebut sebagai tumbuhan pewarna yang juga dikenal dengan ‘Henna’. Penamaan tari menjadi Seri Inai adalah gambaran utuh dari bentuk dan isi tarian yang mengandungi unsur inai dan manfaat wujudnya dalam upacara perkahwinan masyarakat Melayu. Penciptaan tarian Seri Inai diharapkan mampu mempersembahkan cahaya semarak dari penghormatan pengantin melalui persembahan tari Inai. Selain tujuan

tersebut, penamaan tari Seri Inai diharapkan memberi warna baru dalam bidang tari ciptaan Melayu di Kepulauan Riau khususnya.

b. Gerak Tarian

Gerak tarian Seri Inai dikembangkan melalui asas ragam gerak tari Inai khas Panggak Laut yang dipersembahkan oleh Mawardi. Ragam asas oleh Mawardi adalah (1) gerakan sembah, (2) gerakan meliuk dan (3) gerakan berdiri. Tiga jenis ragam gerak utama ini merupakan bentuk yang tidak standard dan sering dilakukan berulang-ulang sesuai dengan keperluan. Justeru, penentuan elemen gerak tari dalam tarian Seri Inai dibuat dengan kiraan yang tepat dan jelas. Jenis ragam gerak utama iaitu hatur sembah disebut Mawardi dengan istilah Hang Jebat Menghatur Sembah. Gerakan sembah juga dikenali dengan gerakan lela sembah di mana terdapat banyak seniman Melayu yang berkecimpung dalam tarian Inai juga menggunakan gerakan yang sama seperti lela sembah (Thaib et al., 2009). Gerakan sembah ini dilakukan oleh penari tanpa mengira jantina di mana turut ditarikan oleh penari lelaki mahupun perempuan.



Rajah 4. Tari Inai yang dipersembahkan oleh Mawardi, dalam acara perkahwinan orang Melayu di Daik Lingga.

(Sumber: Mawardi, 2020)



Rajah 5. Gerak sembah dalam tari Seri Inai yang didasarkan pada tari Inai Panggak Laut, Lingga. Perbezaan pergerakan ada pada volume buka kaki dan siku antara penari putri dan penari putra.

(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)

Gerakan pokok dalam tari Inai selanjutnya adalah gerak meliuk yang disebut Mawardi sebagai elang mengimbang. Gerakan ini dilakukan Mawardi dalam sikap pergerakan yang mengayun dan tidak terbatas pada arah lintasan ayunan serta bentuk tangannya yang tidak teratur. Fungsi penyusunan tari Seri Inai salah satunya adalah susunan gerak yang berstruktur dan teratur. Jenis ragam pokok pada bagian ini juga ditambahkan permainan prop tari, perlengkapan tari berupa cawan yang menyerupai

senjong. Penggunaan prop dalam tari Seri Inai ini memberikan dua struktur dalam bahagian pokok itu sendiri iaitu, bahagian pokok tanpa cawan dan bahagian pokok dengan cawan. Gerakan lain seperti gerakan berdiri telah dikembangkan dan disusun berdasarkan ragam gerak berdiri yang sering dilakukan Mawardi dalam tari Inai. Makna pergerakan dalam tarian tradisional Inai yang dipersembahkan oleh Mawardi, jika tidak mempunyai makna khusus, tetapi intipati dari gerakan tersebut adalah memberi rasa hormat dan kebahagiaan kepada kedua mempelai pengantin. Terdapat juga istilah Hang Jebat Menghatur Sembah yang diteroka sebagai adaptasi salah satu nama pahlawan Melayu yang tersohor di Kepulauan Riau.



Rajah 6. Gerakan melambai, atau mengayun semacam gerak elang mengimbang. Intipati gerakan ini adalah meliukkan badan ke samping kanan dan kiri dalam posisi duduk berjengkeng/ simpuh satu kaki.

(Sumber: Mawardi, 2020)



Rajah 7. Ragam gerak meliuk yang dicipta berdasarkan pada gerak melambai atau elang mengimbang dalam tari Inai Panggak Laut.

(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)



Rajah 8. Ragam gerak angkat cawan yang dicipta berdasarkan gerak tari membawa senjong atau cawan berlilin.

(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)



Rajah 9. Ragam gerak berdiri, yang dicipta berdasarkan dari gerak seperti menyapu/ mengayun tangan
(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)

c. Penari

Peragaan tari Seri Inai melibatkan penari lelaki dan perempuan. Komposisi penari duet disusun bagi memanfaatkan aspek koreografi yang tidak melanggar ketentuan tari Inai di Lingga secara umum. Hal ini kerana tarian Inai di Lingga ditarikan dengan peragaan tari yang tidak ditentukan dengan tegas. Justeru, memberi kesempatan untuk mengolahnya dalam komposisi penari Seri Inai sesuai keperluan pertunjukan dan pendidikan yang lebih teratur dan jelas. Landasan lain tentang komposisi penari duet ini adalah keadaan sewaktu individu yang mempunyai hajat perkahwinan mengkehendaki penari lelaki atau perempuan, atau penari lelaki dan perempuan boleh ditampilkan dalam satu waktu meskipun pada persembahannya mereka tampil secara bergantian. Oleh itu, komposisi penari duet ini menyesuaikan keadaan sekaligus menciptakan efisien terhadap pelaksanaan pementasan susunan tarian ciptaan baharu Seri Inai dalam aspek waktu dan juga ruang pentas. Tari ini juga menetapkan bentuk komposisi duet penari perempuan dan lelaki dengan gerak tari yang seragam dan variasi ada pada daya gerak yang membezakan cerminan sikap tubuh antara seorang lelaki dan perempuan.




Rajah 10. Peraga tari Seri Inai dalam komposisi tari duet berpasangan (putra dan putri)
(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)

d. Pola Lantai (*Floor Design*)

Pola lantai tari Seri Inai berasal dari pola lantai asas dalam tari Inai Panggak Laut yang sering dipersembahkan oleh Mawardi. Pola lantai khas yang dibentuk adalah “Y” bermaksud berawal dari posisi tengah kemudian menuju pada arah tepi kanan dan kiri

secara tiga penjuru. Secara spesifik, pola lantai berbentuk "Y" dalam tarian Inai tradisional yang dipersembahkan oleh Mawardi tidak memiliki makna tertentu. Walau bagaimanapun, ini adalah ungkapan estetik persembahan yang mengalir dan tidak statik dengan menghadap pengantin lelaki. Corak pola lantai tidak dibuat melingkar kerana mengelakkan berpaling kepada pengantin lelaki. Penerapan pola lantai diatur dalam tarian Inai Seri menggunakan pola lantai yang sama dalam bentuk huruf "Y". Penyesuaian dilakukan dalam komposisi penari duet sehingga dapat membuat corak lantai yang serasi dan tidak bertembung antara satu sama lain. Tari Seri Inai menggunakan pola lantai asas dalam bahagian pada sikap duduk dan berdiri. Setiap penari melakukan lintasan gerak "Y" tanpa mengganggu lintasan penari lawannya. Penjagaan pola lantai "Y" menjadi ciri dalam tari Seri Inai. Hal lain yang disertai pada pola lantai ini adalah sikap pandangan mata, yang tidak saling berpandangan kerana tarian ini bukan tarian hiburan antara pasangan yang saling memikat antara satu sama lain melainkan bentuk penghormatan kepada kedua mempelai pengantin di atas *peterakne*. Pola lantai di bawah menunjukkan garis penari yang sepadan dan tidak bertembung. Jalur warna menunjukkan bentuk lintasan penari ke depan atau ke belakang, ke kanan atau ke kiri. Arah ke arah penari dalam tarian Seri Inai dimulakan dengan menghadap pengantin perempuan dan pengantin lelaki, selebihnya dua penari dalam komposisi tarian duet saling berhadapan dan bersesuaian.



Rajah 11. Ilustrasi pola lantai/ *floor design* antara tarian Inai tradisional dengan tarian kreatif Seri Inai
(Oleh: Denny Eko Wibowo, 2020)



Rajah 12. Pola lantai "Y" menuju arah kanan depan yang dilakukan oleh masing-masing penari sehingga membentuk garis yang sejajar.
(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)



Rajah 13. Pola lantai “Y” menuju arah berhadapan yang dilakukan oleh masing-masing penari sehingga membentuk pola lantai yang berhadapan.
(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)

e. Muzik Tarian

Iringan tari Seri Inai berdasarkan pada iringan tari Inai Panggak Laut yang memiliki irama gong sebagai penanda gerak untuk penari lelaki dan perempuan. Irama gong untuk penari lelaki lebih rapat dibandingkan dengan irama gong untuk penari perempuan. Keunikan ini menjadi penanda dalam tari Seri Inai yang melibatkan penari lelaki dan perempuan dalam satu ruang persempahan. Penyusunan muzik adalah berdasarkan kajian muzik Melayu dalam tari Inai Panggak Laut yang terdiri dari alat muzik seperti Gendang ibu, Gendang anak, Serunai dan Gong. Pola irama diciptakan secara terpisah dan menyatu. Pada bahagian awal dicipta secara terpisah disebabkan belum ada pola lantai yang menunjukkan kedua penari berhadapan sedangkan iringan muzik menggunakan rentak gong menyatu saat kedua penari melakukan gerak berhadapan, meskipun gerak ini dibentuk dari pola lantai “Y” yang ditarikan oleh setiap penari.



Rajah 13. Alat muzik iringan tari Inai Panggak Laut yang juga diterapkan sebagai alat muzik tari Seri Inai
(Sumber: Andy Wijaya Tie, 2019)

f. Tata Rias dan Kostum

Tata rias dan kostum tari Seri Inai diciptakan untuk menampilkan kewujudan penari lelaki dan perempuan dalam lingkaran nuansa pakaian orang Melayu. Kostum penari diambil daripada kebiasaan kostum dalam tari Inai Panggak Laut berdasarkan adab kesantunan masyarakat Melayu. Penari lelaki memakai baju Melayu cekak Musang, seluar baju Melayu dan kain songket dilengkapi dengan songkok. Manakala penari perempuan pula menggunakan baju kebaya labuh, kain dagang dan sarung songket dilengkapi dengan pending (aksesoris dipinggang). Hiasan kepala penari perempuan menggunakan daun logam dan juga kain buatan sebagai pengganti dari tudung ‘manto’. Tudung ‘manto’ adalah kain penutup kepala yang berasal dari Lingga hingga kini masih sering digunakan sesuai dengan acara yang diikuti. Tari Seri Inai adalah tarian kreasi yang mengambil acuan khas Lingga dengan penggunaan kain sebagai representasi *imitative* dari tudung ‘manto’ dalam ukuran jauh lebih kecil. Pertimbangan menggunakan kain ini mendorong secara dialektik pada aspek koreografi. Kain yang ukurannya lebih kecil dari bahan brokat serta mampu mengurangi beban penari dan tidak mengganggu gerak penari.



Rajah 14. Kostum tari Seri Inai daripada penari putra dan putri
(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)

g. Prop Tari

Kelengkapan tari dalam tarian Seri Inai adalah berupa cawan yang diinspirasikan dari *senjong*. *Senjong* merupakan sejenis cawan khas Melayu yang berasal dari logam dan memiliki bentuk seperti kelopak teratai. Penari Seri Inai menggunakan cawan yang di dalamnya memperlihatkan tempat menyimpan dalam mempersembahkan bunga inai itu sendiri. Alasan tarian kreasi Seri Inai tidak menggunakan cawan berlilin adalah disebabkan sebutan Inai itu sendiri sebagai tarian. Logik penggunaan kelengkapan ini mendorong penamaan judul tarinya sebagai Seri Inai iaitu cahaya semarak dari inai yang dibawakan pada persembahan tarian.

Penerokaan Rekaan Hasil Kreatif Tari Seri Inai berdasarkan Tari Inai dari Panggak Laut, Daik Lingga sebagai Sumber Penciptaan Tari



Rajah 15. Cawan yang digunakan untuk tari Seri Inai
(Sumber: Clarita Aurelia, 2020)



Rajah 16. Cawan *senjong* asli Lingga
(Sumber: Andri Pelesmana, 2020)

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Tari Seri Inai ialah hasil rekaan kreatif yang berdasarkan dari tari Inai Panggak Laut, Lingga, Kepulauan Riau. Tari Seri Inai dicipta dalam komposisi penari duet antara penari lelaki dan perempuan. Penetapan penari tersebut adalah berdasarkan keadaan di lapangan pada masa pementasan tarian Inai tradisional di Panggak laut, Lingga yang pada umumnya ditarikan oleh penari lelaki sahaja/ penari perempuan sahaja/ ataupun gabungan antara keduanya dengan waktu permainan bergantian. Pendekatan koreografi yang dijelaskan oleh Sumandiyo Hadi menyatakan bahawa bentuk, teknik dan isi adalah suatu tarian (Hadi, 2014). Warisan sifat tradisional tari Inai di Kampung Panggak Laut telah diturunkan secara lisan kepada keluarga Mawardi terdahulu dan perkara ini menunjukkan kesan kaedah pembelajaran secara lisan sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Sama seperti seni persembahan lain yang diwariskan secara lisan, keadaan tradisi lisan seringkali memiliki kelemahan kerana berkaitan dengan ingatan manusia dan juga tanggapan luaran. Contohnya, hal yang terjadi kepada kesenian Makyung iaitu, muzik serta tariannya yang dipelajari daripada orang tua melalui tradisi lisan (Chiang, 2017). Justeru, penyusunan tarian kreatif ini bersifat nilai-nilai tradisional yang tetap dimasukkan ke dalam bentuk ciptaan (creation) iaitu tarian yang dicipta kerana telah menjadi asas daripada pelestarian untuk mengekalkan nilai budaya Melayu khususnya tarian Melayu.

Usaha menjaga kelestarian suatu tarian pada umumnya diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya melalui kaedah yang tersendiri. Sedyawati via Yuliza menjelaskan bahawa kewujudan suatu tarian tradisional di Indonesia disebabkan wujud kaitan antara tiga perkara yang bersifat etnik iaitu, bahasa, adat istiadat dan norma (Yuliza, 2020). Sehubungan itu, kewujudan sebuah tarian ciptaan bahru harus mengandungi bahagian-bahagian tersebut yang dimasukkan ke dalam bentuk persembahannya. Hal lain berkait rapat dalam usaha revitalisasi suatu tarian pada asasnya terdiri daripada tiga tahap penting iaitu: (1) Penggalian atau pengumpulan informasi, (2) Pembentukan koreografi dan (4) Membuat kesimpulan atau penilaian (Widyanarto et al., 2020). Tahap-tahap tersebut bertujuan untuk menjaga nilai-nilai ketahanan dalam tarian tradisional ke dalam bentuk kreatif tari yang diciptakan.

Bentuk yang dimaksudkan adalah penampilan hasil visual dari koreografi meliputi gerak tari, pola lantai, tata rias dan kostum. Sedangkan, bagi teknik berkaitan dengan teknik gerak asas tari Inai yang menggunakan irama gong adalah untuk membezakan gerakan antara penari lelaki dengan penari perempuan. Teknik irama irungan tari ini berkaitan dengan teknik gerak tari yang menggunakan sedikit pergerakan bahu dan juga kepala bagi memberi kesan pada gerak yang dipersembahkan. Aspek ini berkaitan dengan hal makna yang terkandung dalam tari Seri Inai yang juga dipengaruhi oleh tari Inai tradisional daripada kampung Panggak Laut. Kewujudan hasil rekaan merupakan perkembangan daripada asas tari Inai tradisional yang ditarikan oleh Mawardi dari kumpulan kesenian Sri Kemuning. Dialektik yang terdapat dalam penciptaan tari Seri Inai ialah keperluan terhadap kelestarian tari Inai di Panggak Laut dan usaha mengorganisasikan atau menjadikan tari Inai sebagai milik umum dalam bentuk tari ciptaan bahru, Seri Inai. Gabungan antara keperluan persembahan dan nilai budaya tempatan tetap seimbang sehingga terhasil karya tari Seri Inai yang tidak lepas dari yang sumber berdasarkan tari Inai Panggak Laut.

Seni tradisional umumnya memiliki kategori dalam situasi yang beragam antara lain seperti perkembangan di luar bandar; masyarakat desa atau kampung yang menjadi pengguna utamanya; pengurusan kumpulan seni dan perkembangan yang berpusat pada ketua kumpulan/ sanggar; pola pengedaran seni secara kukuh; dan pengurusan berkaitan dengan upacara adat desa atau kampung (Alfarisi dan Kertajadi, 2017). Begitu juga seperti tari Inai di Panggak Laut, Daik Lingga yang berkemungkinan mempunyai kategori tradisional kerana memiliki beberapa keadaan. Perkara utama yang tidak boleh lepas dari penyusunan kreatif tari Seri Inai ialah nilai adab Islam yang menunjukkan identiti Melayu. Penyusunan kostum, gerak tarian dan juga sikap dalam memperlihatkan penampilan lelaki dan perempuan tetap dijaga dan mempunyai batasan.

Seni pada umumnya akan terus mengalami perkembangan yang dinamik melewati peredaran masa sehingga hasil perubahan dan pengubahsuaian seni akan berkemungkinan membawa mesej lain yang relevan dan tidak bertentangan. Situasi ini yang membuatkan perkembangan seni selaras dengan perkembangan kebudayaan manusia seterusnya terikat pada bentuk keindahan dan juga kemungkinan pertimbangan komersial. Hal ini kerana tradisi tidak akan berhenti atau mati. Jika hal itu terjadi, kewujudan manusia sebagai makhluk kreatif dan pemikir menjadi pasif atau berakhir (Damono, 2018). Jawapan atas rumusan pertanyaan tentang hasil rekaan penyusunan tari Seri Inai yang memberi fokus dalam perspektif analisis koreografi yang mempunyai bentuk, teknik dan isi tarian. Seterusnya, dialektik pada hasil rekaan penyusunan tari Seri Inai yang nampak secara visual seperti ragam gerak, pola lantai, solekan, kostum dan prop persembahan yang tidak banyak berubah daripada kedudukan asal yang dipersembahkan oleh Mawardi dari kumpulan kesenian Sri Kemuning, Panggak Laut, Daik Lingga, Kepulauan Riau, Indonesia.

Elemen terpenting kesenian tradisional adalah masyarakat iaitu pemilik budaya tersebut berperanan sebagai ahli masyarakat yang perlu diperkasakan dengan peranan pemimpin daerah setempat. Usaha-usaha membangkitkan semula sebuah tarian tradisional mempunyai pelbagai jenis variasi bergantung kepada keperluan dan tujuan tertentu. Bentuk perkembangan dari sebuah tarian tradisional boleh menjadi motivasi meningkatkan sektor pelancongan yang menjadi alasan kuat mengapa penyusunan tari dicipta supaya lebih menarik dan mudah dipersembahkan untuk pelancong. Keperluan-keperluan dan alasan-alasan khusus seperti ini yang menjadi faktor penyokong kewujudan seni tradisional tetap dipertahankan ke dalam masyarakat (Wibowo et al., 2019).

KESIMPULAN

Kajian ini melibatkan sebuah penerokaan rekaan hasil kreatif berdasarkan sebuah kajian persempahan dengan melibatkan partisipasi dan pemerhatian di lapangan. Proses kreatif yang meliputi fasa mengekstrak, mengamati serta memproses data (gerak tari) kemudian menjalankan eksplorasi di dalam studio tari dikendalikan semasa proses penciptaan. Susunan tari melibatkan bahagian-bahagian tari yang boleh dan tidak boleh dikembangkan di ambil kira dalam proses kreatif ini. Hal ini kerana nuansa tradisional yang melibatkan ciri khas perlu ditampilkan bagi menunjukkan asal usul sumber asal tari yang digunakan. Kerangka teori penciptaan tari oleh Sumandiyo Hadi menyatakan "bebas terbatas" atau menyebut sebagai "subjektif dan objektif" memperlihatkan bagaimana tari Seri Inai melalui proses tersebut dengan melibatkan aspek pemerhatian, penggalian dan juga kerja-kerja penciptaan di dalam studio berdasarkan prinsip rekaan seni yang digunakan dalam penciptaan koreografi tari Seri Inai. Keterbatasan ini adalah merujuk kepada bagaimana koreografer mengekalkan ciri-ciri khas kemelayuan seperti tertib, batasan lelaki dan perempuan yang tetap dipelihara semasa proses kreatif karya ini diciptakan.

Terdapat juga persoalan yang melibatkan durasi persempahan berdasarkan hasil rekaan kreatif tari Seri Inai ciptaan baharu yang berlangsung sekitar kurang enam minit. Persoalan ini melihat bagaimana sebuah hasil karya kreatif meskipun durasi waktu persempahan pendek, tetapi bentuk penyusunan ragam asas tari Inai tradisional Panggak Laut tetap dijadikan panduan sebagai sumber penciptaan tari Seri Inai menjadi lebih teratur. Namun, hasil kreatif ini mendapati struktur tari yang telah mengalami proses kreatif ini terlihat lebih tersusun berdasarkan kiraan dan urutan ragam gerak yang kemas. Kajian ini melihat bahawa tari ciptaan baharu boleh dipersembahkan dan dicipta oleh generasi muda dengan lebih mudah. Penerapan dari pelbagai pendekatan tari seperti penyusunan tari yang meliputi kajian bentuk, teknik dan isi tidak hanya menampilkan visual dari tari Seri Inai dengan baik, namun juga menampilkan identiti dan budaya kesantunan Melayu dalam tarian tersebut. Cabaran selanjutnya adalah meluaskan tarian ini kepada masyarakat dan juga seniman lama di tempat lain di samping memberikan pengisian dan kritikan berdasarkan proses penyusunan tari ini sehingga boleh dikemaskin menjadi sebuah produk kesenian dan pelancongan di Kepulauan Riau.

PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat sokongan kewangan daripada Deputi Bidang Pengurusan Riset dan Pengembangan Kementerian Riset dan Teknologi/Badan Riset dan Inovasi Nasional untuk program Penelitian Dosen Pemula tahun pelaksanaan 2020. Terima kasih diucapkan kepada Mawardi dan kumpulan Kesenian Sri Kemuning kerana berkenan memberi arahan penciptaan tari Seri Inai, juga kepada Universiti Universial Batam atas bantuan selama pelaksanaan aktiviti penelitian ini.

RUJUKAN

- Alfarisi, S., & Kertajadi. (2017). Kesenian Tradisional dalam Arus Pariwisata Lombok. *1st Lombok International Edu-Tourism Conference (LIETC 2017) Empowering Edu-Tourism and Local Culture*, (pp. 148-160). Tanjung Malim.
- Baharom, H. N., Ghani, R. b., Hj.AB.Ghani, M. b., & dkk. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Chiang, J. T. (2017). Pelestarian Makyung Selepas Alaf Baharu: Melangsungkan Tradisi Lisan. In A. H. Shafii, J. T. Kong-Chiang, & S. B. Baboo, *Makyung: Pelbagai Perspektif tentang Teater Tradisional Malaysia* (pp. 164-184). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Damono, S. D. (2018). *Alih Wahana*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hadi, S. (2014). *Koreografi Bentuk – Teknik - Isi*. Yogyakarta: Cipta Media.
- Hadi, Y. (2017). Keterlibatan dalam Seni Pertunjukan sebagai Sebuah Metode Riset Penciptaan Seni. In B. Pudjasworo, H. B. Prasetya, I. W. Senen, M. H. Raditya, U. Rokhani, & Yudiaryani, *Karya Cipta Seni Pertunjukan* (pp. 13-26). Yogyakarta: JB Publisher dan Fakultas Seni Pertunjukan ISI Yogyakarta.

- Kusmayati, A. M. (2017). The Traditional Court Dances of Pura Pakualaman facing the Era of Globalisation. *KUPAS SENI*, 32-37.
- Patlillah, N. F., & Hussin, R. (2019). kewajaran Penerapan Identiti Budaya Tempatan dalam Mata Pelajaran di Sekolah Antarabangsa Sekitar Lembah Klang. *KUPAS SENI*, 64-71.
- Saearani, M. F., & Rahim, A. A. (2020). Contemporary Malay Dance in Singapore-Riding the Waves of Change. *International Journal of Innovation, Creativity, and Change*, 84-101.
- Sumaryono. (2011). *Antropologi Tari dalam Perspektif Indonesia*. Yogyakarta: Badan Penerbit ISI Yogyakarta.
- Thaib, M. I., Hitam, R. H., Johari, A., Usman, L., & Tabruni, N. T. (2009). *Tata Cara Adat Perkawinan Melayu di Daik Lingga*. Pekanbaru: Unri Press.
- Wahyuni, W., Yusfil., & Suharti. (2018). *Gaya Tari Minangkabau Darek dan Pasisia*. Yogyakarta: Gre Publishing.
- Warto. (2014). Revitalisasi Kesenian Kethek Ogleng untuk Mendukung Pengembangan Pariwisata di Kabupaten Wonogiri. *Paramita: Historical Studies Journal* , 47-62.
- Wibowo, D. E., & Saearani, M. F. (2020). Study of Literature Transformation in Bedhaya Hagoromo Dance. *JURAI SEMBAH*, 25-34.
- Wibowo, D. E., Marpaung, M. R., Hartono, R., Cahyanti, W. M., & Tie, A. W. (2020). Studi Gaya Tari Inai pada Sanggar Sri Kemuning, Panggak Laut, Lingga dalam Perspektif Antropologi Tari. *INVENSI*, 27-36.
- Wibowo, D. E., Silalahi, M. L., & Sagala, J. M. (2019). The Emergence and Development of Jogi Dance in Batam. *INTERNATIONAL CONFERENCE SOCIETY 5.0 #1: "RESEARCH WITH MULTIDISCIPLINARY PARADIGMS"* (pp. 94-109). Bandung: Postgraduate Program of Institut Seni Budaya Indonesia Bandung.
- Widyanarto., & Silalahi, M. L. (2019). Revitalisasi Silat Tradisi Melayu “Tari Silat Bendera” Bentan Penao Bintan Kepulauan Riau. *Khazanah Ilmu Berazam*, 25-38.
- Widyanarto, Wibowo, D. E., & Siguti, A. (2020). Metode Revitalisasi Koreografi Gubang di Jemaja, Kepulauan Anambas, Kepulauan Riau. *INVENSI*, 1-15.
- Yuliza, F. (2020). Pewarisan Tari Rawas dalam Masyarakat Suku Serawai di Kawasan Manna, Kabupaten Bengkulu Selatan. *Malay Arts and Performance*, 129-141.